

## Sumbangan Wahbah al-Zuhaylī dalam Ilmu Tafsir al-Quran: Tinjauan Terhadap Karya *al-Tafsīr al-Munīr fi al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*

Mahyudin Daud

Universiti Malaya, muhyi@um.edu.my

Ahmad Najib Abdullah

Universiti Malaya, dr\_najib@um.edu.my

### Abstrak

Wahbah al-Zuhaylī antara ulama kontemporari yang menghasilkan beberapa buah karya di dalam tafsir al-Quran. Karya *al-Tafsīr al-Munīr* adalah yang paling menonjol dimana beliau menyematkan semua perbahasan ilmiah yang diperlukan bagi pentafsiran sesuatu ayat. Karya tersebut dianggap di antara karya tafsir yang paling baik pernah dihasilkan pada abad ke-20 kerana mempersempitkan pentafsiran yang mudah, teratur, lengkap dan sesuai dengan realiti manusia zaman moden sehingga karya beliau mendapat tempat yang istimewa dalam kalangan umat Islam. Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis sumbangan pengarang dalam ilmu pentafsiran al-Quran secara ilmiah. Kajian ini adalah kajian perpustakaan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah metode penyelidikan perpustakaan, dokumentasi dan pensejarahan. Dalam menganalisis data, metode induktif, deduktif dan komparatif digunakan untuk mendapatkan keputusan kajian yang tepat. Hasil kajian mendapati bahawa pengarang iltizam dengan metode pentafsiran yang jelas dan selaras sama ada dari sudut persempitan mahupun dari sudut isi kandungan. Beliau didapati berpegang kuat kepada konsep asas dan disiplin yang perlu ada kepada seseorang pentafsir al-Quran. Sukar untuk mencari ruang yang boleh disifatkan sebagai kekurangan dalam karya ini. Jika tidak kerana harganya yang tinggi, maka ia adalah sebuah karya yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar ilmu tafsir al-Quran.

**Kata kunci:** Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, Ilmu Tafsir al-Quran

*The Contributions of Wahbah al-Zuhaylī in the Field of  
Quranic Interpretation: A Survey on the Work al-Tafsīr  
al-Munīr fi al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*

### Abstract

Wahbah al-Zuhaylī is one of contemporary scholars that produce many books in the interpretation of the Qur'an. Al-Tafsīr al-Munīr is the most

*prominent where he was pinned all scientific debate that required for the interpretation of sentence. This work was considered among the best commentary works written ever produced in the 20th century. This due to the simplicity, regularity, completion of interpretation and accordance with the realities of modern people for that his work got large acceptance among Muslims. The accuracy study aims was conducted to study and analyze the contribution of the Wahbah al-Zuhaylī in the science of Qur'anic exegesis scientifically. The study found that, author's commitment with the method of clear and consistent interpretation either in terms of performance both in terms of content. He was committed to the basic concepts and disciplines essential to an interpreter of the Qur'an. Difficult to find a space that could be deemed as deficient in this paper. If not for its high price, so it is a work that should be owned by each student of knowledge interpretation of the Qur'an.*

**Keywords:** *Wahbah al-Zuhaylī, al-Tafsīr al-Munīr, Field of Quranic Interpretation*

## Pendahuluan

*Wahbah al-Zuhaylī* merupakan seorang tokoh ulama abad ke-20 yang terkenal dalam dunia ilmu Islam. Namanya sebaris dengan tokoh-tokoh tafsir seperti Tāhir ‘Ashūr, pengarang tafsir *al-Tahrīr wa Tanwīr*, Sa‘īd Hawwā, pengarang *Asās fī al-Tafsīr*, Sayyid Quṭb pengarang *fī Zilāl al-Qur’ān* dan tokoh-tokoh fuqaha seperti Muḥammad Abū Zahrah, Maḥmūd Shaltūt, ‘Alī Muḥammad al-Khaftīf, ‘Abd Ghānī ‘Abd Khāliq dan Muḥammad Salām Madkūr.<sup>1</sup> Beliau bergiat cergas dalam medan dakwah sama ada melalui penulisan, kuliah dan penyertaan di dalam seminar serta muktamar di pelbagai peringkat.

Beliau adalah pengarang kepada beberapa buah karya yang masyhur dalam dunia ilmu Islam seperti *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, *Āthār al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī* dan *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*. Karya *al-Tafsīr al-Munīr* mendapat sambutan yang luar biasa dalam kalangan umat Islam berikutan keistimewaan metode penulisan dan kandungan yang dipersembahkan. Makalah ini akan menyingkap sumbangannya beliau di dalam pentafsiran al-Quran khususnya melalui penerbitan *al-Tafsīr al-Munīr*.

---

<sup>1</sup> Muhammad Rumaizuddin Ghazali, *Tokoh Islam Kontemporari* (Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd, 2005), 227.

## Biografi Wahbah al-Zuhaylī

Wahbah Muṣṭafā al-Zuhaylī dilahirkan pada 28 Syawal 1351H bersamaan 6 Mac 1932M di kampung Dīr ‘Aṭiyyah, pekan Qalamūn, mantiqah<sup>2</sup> al-Nabk dalam negeri Rīf Dimasyq. Ayahnya, Muṣṭafā al-Zuhaylī merupakan seorang petani dan peniaga yang juga terkenal sebagai seorang yang soleh, bertaqwah dan menghafaz al-Quran. Beliau sentiasa memberi semangat kepada anak-anaknya untuk menuntut ilmu.<sup>3</sup> Beliau meninggal dunia pada hari Jumaat 13 Jamadil Awal 1395 bersamaan 23 Mac 1975.<sup>4</sup> Ibunya bernama Fātimah bin Muṣṭafā Sa‘ādah, merupakan seorang yang kuat berpegang teguh kepada ajaran Islam. Beliau meninggal dunia pada 13 Mac 1984.<sup>5</sup>

Sentuhan pertama yang membentuk peribadi dan ketokohan Wahbah ialah ibu bapa beliau sendiri. Merekalah yang bertanggungjawab mencorakkan anak kesayangan mereka ini dengan al-Quran dan akhlak Islam. Beliau turut dihantar kepada seorang perempuan solehah yang hafizah untuk mendapat bimbingan menghafal al-Quran al-Karim. Dalam masa yang singkat beliau berjaya menghafal al-Quran dengan baik dan menguasai ilmu Tajwid.<sup>6</sup>

Kemudian, beliau memulakan pengajian di peringkat persekolahan di tadika dan sekolah rendah yang terletak di Dīr ‘Aṭiyyah. Selepas itu, bermulalah pencarian ilmu beliau ke Damsyik pada usia empat belas tahun untuk mengikuti pengajian di peringkat persediaan dan menengah di al-Kulliyah al-Shar‘iyyah selama enam tahun. Pada tahun 1371H bersamaan 1952M beliau menamatkan pengajiannya dengan cemerlang dan mengatasi pelajar-pelajar lain di peringkat menengah al-Shar‘iyyah. Pada tahun yang sama juga beliau mendapat Sijil

<sup>2</sup> *Manṭiqah* ialah juzuk yang tertentu daripada bumi yang mempunyai keistimewaan tertentu. *Jamā‘ah min Kibār al-Lughawiyyīn al-‘Arab, al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī* (Tunisia: Muassasah Lārous al-‘Ālamiyah, 2003), 1204.

<sup>3</sup> Muhammad Rumaizuddin Ghazali, *Tokoh Islam Kontemporari*, 227.

<sup>4</sup> Muhammad Rumaizuddin Ghazali, *Tokoh Islam Kontemporari*, 227.

<sup>5</sup> Muhammad Rumaizuddin Ghazali, *Tokoh Islam Kontemporari*, 227.

<sup>6</sup> Ahmad bin Maḥmūd al-Dāhin, *Wahbah al-Zuhaylī al-‘Ālim al-Faqīh al-Mufassir*.

Menengah Am dalam pengkhususan Sastera.<sup>7</sup> Disitulah beliau mendapat pendidikan awal daripada para ulama, sama ada ulama Damsyik, ulama Halab atau ulama dari wilayah-wilayah yang lain.

Selepas memiliki sijil peringkat sekolah menengah, beliau meneruskan lagi pencarian ilmu ke bumi Mesir dan mendaftar di beberapa institusi pengajian dan universiti dalam masa yang sama. Beliau berjaya mendapat Sijil Tinggi dalam bidang al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah di Kuliah al-Sharī‘ah, Universiti al-Azhar pada tahun 1375H bersamaan 1957M dan telah mendahului pelajar-pelajar lain pada ketika itu.<sup>8</sup> Tidak lama kemudian, pada tahun 1376H bersamaan 1957M, beliau mendapat Ijazah Pengkhususan Pengajaran dari Kulliyyah al-Lughah al-‘Arabiyyah, Universiti al-Azhar. Ini bermakna beliau mempunyai sijil tinggi dalam bidang al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah serta ijazah perguruan.<sup>9</sup>

Pada tahun yang sama, beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang di Universiti ‘Ayn Sham dengan pangkat *jayyid*. Ini bermakna, dalam masa lima tahun pertama melalui pengajian di Mesir, beliau berjaya mendapat tiga ijazah peringkat universiti dalam bidang yang berbeza dari dua universiti yang berbeza dari sudut metode pengajian.

Kemudian, beliau terus menyambung pengajian di peringkat sarjana di Kuliah Undang-Undang, Universiti Kaherah dan mendapat Diploma Maahad al-Sharī‘ah dalam bidang Undang-Undang al-Sharī‘ah al-Islāmiyah pada tahun 1378H bersamaan 1959M.<sup>10</sup> Tajuk tesis yang beliau lontarkan ialah *al-Zara’i fī al-Siyāsah al-Shariyyah wa al-Fiqh al-Islāmī*.<sup>11</sup>

Pada 20 Ramadhan 1382H bersamaan 13 Februari 1963M, beliau berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Undang-Undang al-Sharī‘ah al-Islāmiyah di bawah seliaan Salām

<sup>7</sup> Muḥammad ‘Ārif Aḥmad Fārī‘, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr”* (disertasi, Qism al-Qur’ān al-Karīm wa ‘Ulūmihi, Kuliyyah al-Dirāsāt al-Fiqhiyyah wa al-Qānūniyyah, Jāmi‘ah Ḵalīfah al-Bayth, 1998), 16.

<sup>8</sup> Muḥammad ‘Ārif Aḥmad Fārī‘, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 16.

<sup>9</sup> Muḥammad ‘Ārif Aḥmad Fārī‘, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 16.

<sup>10</sup> Muḥammad ‘Ārif Aḥmad Fārī‘, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 16.

<sup>11</sup> Muhammed Rumaizuddin Ghazali, *Tokoh Islam Kontemporari*, 228.

Madkūr dengan tajuk tesis beliau iaitu *Āthār al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī-Dirāsaḥ Muqāranah bayna al-Madhbāhīb al-Thamāniyah wa al-Qānūn al-Dawlī al-‘Ām*. Lajnah Panel Pemeriksa dianggotai oleh Muhammad Abū Zahrah dan Muhammad Hāfiẓ Ghānim bersepakat untuk menganugerahkan pangkat Cemerlang dengan Kepujian Kelas Pertama serta kebenaran menjadikan kajian beliau sebagai bahan rujukan untuk universiti-universiti lain.

Wahbah al-Zuhaylī mendapat tunjuk ajar daripada guru-guru yang merupakan ulama tersohor pada ketika itu sama ada dari Syria atau Mesir. Di antara guru-guru beliau semasa menuntut di Syria ialah Maḥmūd Yāsīn (m. 1367H) dalam bidang ilmu al-Hadīth al-Nabawī,<sup>12</sup> Maḥmūd al-Rankūsī (m. 1405H) dalam bidang ilmu akidah Islam dan ilmu kalam,<sup>13</sup> Hasan al-Shaṭṭī (m. 1382H) dalam bidang ilmu fiqh, al-Farā’id dan undang-undang keluarga Islam,<sup>14</sup> Muhammad Hāshim al-Khaṭīb al-Rifā’ī (m. 1378H), dalam bidang ilmu al-Fiqh al-Shāfi’ī,<sup>15</sup> Luṭfī al-Fayyūmī (m. 1411H) dalam ilmu bidang Uṣūl al-Fiqh dan Muṣṭalah al-Hadīth,<sup>16</sup> Shādiq Ḥabannakah al-Maydānī (m. 1428H) dalam bidang ilmu tafsir al-Quran, Shālih al-Farfūr (m. 1407H) dalam bidang ilmu al-Mutarajjam dan ilmu Lughah al-‘Arabiyyah khususnya al-Balāghah dan Adāb al-‘Arabi<sup>17</sup> dan Hasan Ḥabannakah al-Maydānī (m. 1398H) dalam bidang ilmu tafsir.<sup>18</sup>

Manakala di Mesir pula, beliau mendapat bimbingan daripada ulama-ulama terkemuka di Universiti al-Azhar dan pensyarahan-

<sup>12</sup> Maḥmūd Yāsīn (m. 1367H), salah seorang pengasas persatuan al-Nahdah al-Adābiyyah dan persatuan Ulama' dan Ikatan Ulama' dan persatuan al-Hidāyah al-Islāmiyyah di mana beliau adalah presidennya, berkepakanan dalam ilmu-ilmu bahasa Arab dan al-Hadīth al-Nabawī.

<sup>13</sup> Maḥmūd al-Rankūsī (m. 1405H), seorang yang alim dan beramal, Pengetua Dār al-Hadīth al-Ashrafiyyah, Ketua Ikatan Ulama.

<sup>14</sup> Hasan al-Syaṭṭī (m. 1382H), seorang pakar ilmu fiqh dalam mazhab Hanbali dan dalam ilmu Fara’id pengarah Kuliah al-Shar‘iyyah di Damsyik.

<sup>15</sup> Muhammad Hāshim al-Khaṭīb al-Rifā’ī (m. 1378H), imam dan khatib Jami' al-Umāwī Damshiq, pengasas persatuan al-Tahdhīb wa al-Ta‘līm.

<sup>16</sup> Luṭfī al-Fayyūmī (m. 1411H), pakar ilmu fiqh mazhab Hanbali dan seorang tokoh guru yang dikagumi.

<sup>17</sup> Shālih al-Farfūr (m. 1407H), pengasas Persatuan al-Fath al-Islāmī dan maahadnya, terkenal sebagai tokoh pentarbiah dan pengajar.

<sup>18</sup> Hasan Ḥabannakah al-Maydānī (m. 1398H), salah seorang ulama yang terkemuka di Damsyik, antara pengasas Madrasah al-Jam'iyyah al-Gharra', Madrasah al-Rayhāniyyah, Maahad al-Syūrī, pengasas persatuan al-Tawjīh al-Islāmī, di antara pengasas Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī di Mekkah.

pensyarah Universiti Ayn Shams seperti Muhammad Abū Zahrah (m. 1394H) dan beliau amat terkesan dengan gaya bahasa penulisannya.<sup>19</sup> Begitu juga dengan Shaykh al-Azhar Maḥmūd Shaltūt (m. 1383H),<sup>20</sup> ‘Abd al-Rahmān al-Tāj,<sup>21</sup> ‘Isā Mannūn (m. 1376H) dalam ilmu al-Fiqh al-Muqāran,<sup>22</sup> al-Zawāhirī al-Shāfi‘ī dalam ilmu Uṣūl al-Fiqh, Muḥammad ‘Alī al-Khaṭīf (m. 1398H),<sup>23</sup> Muḥammad Salām Madkūr<sup>24</sup> serta al-Sheikh Farj al-Sanhūrī dalam bidang ilmu al-Fiqh al-Muqārin dan Uṣūl al-Fiqh di peringkat pengajian tinggi.<sup>25</sup>

Beliau juga cukup terpengaruh dengan penulisan-penulisan sasterawan Arab seperti Sasterawan ‘Abd al-Rahmān ‘Azām<sup>26</sup> yang menulis *al-Risālah al-Khālidah* dan juga tulisan para sarjana Islam seperti pendakwah Islam yang ulung iaitu Abū Ḥasan al-Nadawī<sup>27</sup> terutama karya beliau yang terkenal berjudul *Māzā*

---

<sup>19</sup> Muḥammad Abū Zahrah (m. 1394H), seorang pakar ilmu fiqh, imam dan tokoh ulama pada masa beliau.

<sup>20</sup> Maḥmūd Syaltūt (m. 1383), seorang pakar ilmu fiqh dan tokoh pembaharuan, pengasas Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah.

<sup>21</sup> ‘Abd al-Rahmān al-Tāj, Shaykh al-Azhar antara tahun 1954 hingga 1958, tokoh pengkaji yang berjasa.

<sup>22</sup> ‘Isā Mannūn (m. 1376H) yang merupakan pensyarah di Universiti al-Azhar, menganggotai Kumpulan Ulama'-ulama Besar, Dekan Kuliyyah al-Shari‘ah dan Sheikh bagi Kuliyyah al-Shar‘iyah.

<sup>23</sup> Muḥammad ‘Alī al-Khaṭīf (m. 1398H), seorang tokoh Qadi dan tokoh ulama fiqh di Mesir, menghasilkan banyak karya fiqh, Uṣūl al-Fiqh dan kajian-kajian yang berharga.

<sup>24</sup> Muḥammad Salām Madkūr adalah penyelia tesis Wahbah di peringkat doktor falsafah PhD.

<sup>25</sup> Farj al-Sanhūrī salah seorang imam mujtahid.

<sup>26</sup> ‘Abd al-Rahmān Hasan ‘Azām (m. 1976M) berketurunan Libya, dilahirkan di Giza, Mesir, belajar perubatan di Mesir, menyertai tentera uthmaniyyah dalam perang dunia pertama kemudian musafir ke Libya untuk menyertai peperangan menentang Itali. Dilantik menjadi Menteri Waqaf pada tahun 1939 dan dilantik sebagai Setiausaha Agong kepada Jāmi‘ah al-Duwal al-‘Arabiyyah dari tahun 1945-1952.

<sup>27</sup> Abū Hasan al-Nadawī ‘Alī Abū al-Hasan bin ‘Abd al-Hayy bin Fakr al-Dīn al-Ḥasanī (m. 1999M) seorang tokoh pemikir Islam dan pendakwah besar dari India. Beliau berasal dari keturunan Saidina Ḥassan bin ‘Alī bin Abū Ṭalib. Beliau adalah pensyarah di Universiti Dār al-‘Ulūm li Nadwah al-Ulama dan merupakan penulis kepada Majalah al-Diya’ al-‘Arabiyyah, Majalah al-Nadwah al-Urdawiyyah, Majalah al-Tamīr al-Urdawiyyah, Majalah al-Muslimun dan lain-lain. Beliau banyak menulis dan banyak menerima penghargaan dan pingat daripada pelbagai pihak.

*Khasara al-‘Ālam bi Inḥīṭāt al-Muslimīn.*<sup>28</sup> Beliau juga dilihat amat terpengaruh dengan Sheikh al-Azhar iaitu Maḥmūd Shaltūt (m. 1383H).

Wahbah telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan lima orang cahaya mata.<sup>29</sup> Kesemuanya adalah lelaki<sup>30</sup> dan mereka sedang menghabiskan pengajian masing-masing di peringkat universiti kecuali anak bongsu beliau yang masih di peringkat sekolah.

Beliau adalah tokoh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah aliran al-Ashā‘irah di Syria dan telah menghasilkan karya dalam bidang ilmu akidah seperti *al-Uṣūl al-‘Āmmah li Wiḥdah al-Dīn al-Haqq* serta banyak mengemukakan sokongan terhadap karya-karya lain yang ditulis dalam masalah akidah seperti karya yang ditulis oleh Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-‘Anjariyy bertajuk *Ahl al-Sunnah al-Ashā‘irah, Shahādah ‘Ulamā’ al-Ummah wa Adillatuhum*.<sup>31</sup>

Dari sudut fiqh, beliau sendiri tidak menyatakan secara jelas mazhab yang beliau pegang. Walau bagaimanapun, secara peribadi beliau berpegang kepada mazhab al-Shāfi‘ī. Beliau juga mempelajari ilmu fiqh dalam mazhab tersebut berbanding dengan mazhab-mazhab yang lain. Guru-guru pembimbing beliau dalam bidang fiqh juga adalah tokoh-tokoh bermazhab al-Shāfi‘ī. Beliau juga didapati mengajar menggunakan karya-karya mazhab al-Shāfi‘ī seperti kitab *Mughnī al-Muḥtāj* karangan al-Khaṭīb al-Sharbīnī<sup>32</sup> di masjid-masjid sekitar Damsyik. Walau bagaimanapun, beliau didapati tidak taksub dengan mazhab al-Shāfi‘ī yang menjadi pegangan peribadi beliau bahkan amat membenci sifat tersebut. Beliau amat terbuka dan sentiasa

<sup>28</sup> Muhammad Rumaizuddin Ghazali, *Tokoh Islam Kontemporari*, 229.

<sup>29</sup> ‘Abd al-Ghafūr Maḥmūd Muṣṭafā Ja‘far, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn fī Thawbihī al-Jadīd* (Kaherah: Dār al-Salam, 2007), 779.

<sup>30</sup> Muḥammad ‘Ārif Ahmad Fāri‘, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 16.

<sup>31</sup> Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-‘Anjariyy, *Ahl al-Sunnah al-Ashā‘irah, Shahādah ‘Ulamā’ al-Ummah wa Adillatuhum* (Jordan: Dār al-Diyā’, 2005), 22-23.

<sup>32</sup> Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī al-Qāhirī al-Syāfi‘ī (m. 977H), terkenal dengan gelaran Shams al-Dīn. Banyak menghasilkan karya dalam semua bidang ilmu Islam. Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997), 1:17.

berfatwa berdasarkan pendapat-pendapat mazhab empat mengikut kesesuaian masa, tempat, individu dan keadaan. Oleh itu, tidak hairanlah apabila beliau dilantik menjadi Ketua Jabatan Fiqh Islam dan Mazhabnya di Universiti Damsyik.

Selepas mendapat Ijazah Doktor Falsafah, beliau dilantik menjadi pensyarah di Kuliyyah al-Sharī‘ah Universiti Damsyik pada tanggal 4 Rabī‘ al-Awwal 1383H bersamaan 1963H. Kemudian beliau dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya pada tahun 1969 dan selepas itu sebagai Profesor pada tahun 1975. Tugas beliau pada ketika itu ialah mengajar, menulis dan menyampaikan kuliah sama ada kuliah umum atau khusus. Beliau bekerja lebih kurang 16 jam dalam satu hari.

Kemudian beliau dilantik sebagai Timbalan Dekan bagi Kuliah al-Sharī‘ah di Universiti Damsyik pada tahun 1967 dan selepas itu dilantik sebagai Pemangku Ketua dalam tempoh empat bulan sehingga tahun 1389H bersamaan 1970M. Dalam tempoh tersebut beliau banyak merombak metode pengajian di Kuliyyah al-Sharī‘ah, Universiti Damsyik dan memperkenalkan silibus yang lebih berkesan. Beliau juga adalah anggota Ensiklopedia al-‘Arabiyyah di Damsyik dan merupakan anggota redaksi majalah *Nahj al-Islām al-Sūriyah*.

Melihat kepada kepimpinan dan keupayaan ilmiah beliau di dalam dunia Islam, beliau dilantik sebagai anggota dan panel bagi jurnal, majalah dan *maqālah* agama dan panel kepada beberapa buah pusat pengajian dan persatuan di luar Syria seperti Kuwait, Jordan, Emiriah Arab Bersatu dan Bahrain. Dalam masa yang sama, beliau dilantik sebagai panel pakar di beberapa Majlis Perhimpunan al-Fiqhiyyah seperti Majma‘ al-Fiqhiyyah yang berpusat di Makkah, Jeddah, India, Amerika dan Sudan.

Dalam bidang fatwa, beliau merupakan anggota Majlis Tertinggi Fatwa Syria dan juga anggota Lajnah al-Buhūth al-Islāmiyyah di Kementerian Waqaf. Beliau juga dipertanggungjawab sebagai anggota bahagian penasihat bagi Mawsū‘ah Dār al-Fikr li al-Hadhārah al-Islāmiyyah. Dalam kesibukan tugasnya, beliau tetap tidak melupakan tanggungjawab rasmi beliau di universiti.

Dalam bidang muamalah Islam, beliau dipertanggungjawab sebagai Ketua Hal Ehwal Pemantau Syariah bagi syarikat-syarikat Arab yang menjalankan urus niaga kewangan secara Islam juga

merupakan Ketua Lajnah Kajian Syariah bagi syarikat-syarikat dan badan-badan yang menguruskan kewangan Islam. Beliau juga diamanahkan sebagai panel syariah bagi institusi-institusi pengurusan kewangan Islam.<sup>33</sup>

Sehingga kini, beliau masih memegang beberapa jawatan seperti Ketua Qism al-Fiqh al-Islāmī wa Madhāhibi di Universiti Damsyik bermula sejak tahun 1989. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis bagi Idārah Madrasah al-Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Qaṣṣāb di kampung Dīr ‘Atīyyah dan juga khatib di Masjid Jāmi‘ al-‘Uthmān di Damsyik dan selalu berkhutbah pada musim panas di masjid al-Imān di Dīr ‘Atīyyah.<sup>34</sup>

Dalam kesibukan tugas yang digalas, beliau masih sempat menerima tawaran sebagai pensyarah pelawat di kebanyakan universiti sekitar Semenanjung Tanah Arab seperti Kuliyyah al-Shari‘ah wa al-Qānūn dan Kuliyyah al-Adāb Universiti Banghazī al-Libiyah di Libya, Kuliyyah al-Sharī‘ah wa al-Qānūn di Universiti al-Imārāt di Emiriah Arab Bersatu, al-Markaz al-‘Arabī li Dirāsāt al-‘Amniyyah wa al-Tadrīb di al-Riyāḍ, Saudi Arabia, Qism al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah di Universiti Umm Darmān di Sudan serta Ceramah khas di bulan Ramadhan di Qatar dan Kuwait.<sup>35</sup>

Beliau juga tidak ketinggalan mengajar berpandukan karyanya *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* yang menjadi rujukan asas di kebanyakan universiti peringkat pengajian tinggi seperti di Pakistan, Sudan dan lain-lain. Begitu juga dengan karyanya *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* di mana karya tersebut menjadi teks di universiti-universiti Islam di al-Madinah al-Munawwarah dan di Qism al-Qaḍā’ al-Sharī‘i di Riyadh.<sup>36</sup>

Di samping tugas sebagai pengajar di universiti-universiti tersebut, beliau banyak menyelia tesis-tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah serta menyertai hampir lapan puluh viva (*munāqashah*) tesis.

Tumpuan Wahbah bukan sahaja kepada tugas rutin beliau iaitu mengajar dan menyelia bahkan beliau cukup aktif dalam ceramah dan kelas-kelas pengajian di masjid-masjid sekitar dunia

<sup>33</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 1:17.

<sup>34</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 1:17.

<sup>35</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 1:17.

<sup>36</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 1:17.

Arab secara tidak tetap sejak tahun 1950. Beliau juga merupakan khatib di Masjid al-‘Uthmān di bandar Damsyik.<sup>37</sup>

Suara beliau juga sentiasa berkumandang di corong radio Syria dalam ilmu Tafsir al-Quran; slot kisah-kisah al-Quran, slot al-Quran dan kehidupan (*al-Qur’ān wa al-Hayāh*) dan forum-forum di dalam rancangan televisyen di Damsyik, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Saudi Arabia, saluran-saluran global satelit serta wawancara bersama pihak media untuk akhbar-akhbar Syria, Kuwait, Saudi Arabia, Emiriah Arab Bersatu dan lain-lain.

Nama beliau sudah tidak asing lagi di peringkat dunia Islam dan penyertaan serius beliau di dalam muktamar dan *multaqā* khasnya yang membincangkan isu-isu kepentingan umat Islam sejagat menjadikan beliau seorang tokoh yang popular dan sentiasa diundang. Lebih dari 150 pertemuan pernah disertai sama ada di atas nama muktamar, *multaqā* atau *nadwah*<sup>38</sup> dengan perbahasan penuh faedah khasnya perbahasan-perbahasan fiqh semasa seperti Muktamarāt Maṣrafiyyah Islāmiyyah di Mekah al-Mukarramah, Majma‘ Fuqahā’ al-Shāfi‘ah di Washington, Amerika, Muktamar Disiplin Sains Hayat dan Perlaksanaannya dari Pandangan Ilmiah dan Syarak di Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan, Muktamar al-Taḥkīm al-Tijārī di Ghurfah Tijārah wa Ṣinā‘ah di Dubai, Muktamar Kali Pertama bagi Muassasah al-Istithmār al-Ūlā di Kuwait, al-Dawrah kali ke 11 bagi Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī di India, Muktamar Ḥimāyah al-Bī’ah wa Tanmiyatihā di Kuliah al-Shāfi‘ah, Universiti al-Imārāt dan banyak lagi dengan pembentangan kertas-kertas kerja yang bermanfaat kepada dunia Islam.

Beliau banyak menerima kurniaan pingat dan penghargaan di atas usaha dan jasa bakti beliau kepada Islam dan umatnya seperti Pingat Kebesaran Dār al-Fikr pada tahun 2003, Anugerah Emas Sarjana, Sastera dan Kesenian oleh ‘Umar al-Bashīr, Presiden Republik Sudan pada tahun 2005 dan Tokoh Maal Hijrah oleh Kerajaan Malaysia sempena sambutan Hijrah al-Rasul peringkat

<sup>37</sup> Muḥammad ‘Ārif Aḥmad Fāri‘, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 18.

<sup>38</sup> *Nadwah* ialah suatu jemaah yang bertemu pada suatu tempat khas atau seumpamanya untuk berbincang atau mesyuarat dalam isu-isu tertentu. Lihat Jamā‘ah min Kibār al-Lughawiyyīn al-‘Arab, *al-Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī*, 1183.

kebangsaan yang dilangsungkan di Kuala Lumpur pada tahun 2008.

Beliau telah menghasilkan banyak karya di dalam semua disiplin ilmu Islam sama ada dalam bentuk buku teks, majalah, artikel, kertas kerja dan lain-lain. Buku-buku beliau melebihi 133 buah buku dan jika dihitung bersama risalah-risalah kecil, artikel, kertas kerja dan lain-lain jumlahnya melebihi 500 naskhah. Karya beliau di dalam disiplin bidang fiqh dan *Uṣūl al-Fiqh* banyak mendominasi ilmu-ilmu lain. Di antara karya beliau yang terkenal ialah *Athār al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī-Dirāsāt Muqāranah*, Dār al-Fikr, Damshiq, 1963, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, (8 jilid), Dār al-Fikr, Damshiq, 1984, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (dua Jilid), Dār al-Fikr al-Fikr, Damshiq, 1986, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj* (16 jilid), Dār al-Fikr, Damshiq, 1991, *al-Tafsīr al-Wajīz ‘Alā Hamsh al-Qur’ān al-‘Azīm*, Dār al-Fikr, Damshiq, 1994, *al-Tafsīr al-Wasīt*, Dār al-Fikr, Damshiq, 1996, *al-Mujaddid Jamāl al-Dīn al-Afghānī*, Dār al-Maktabī, Damshiq, 1998, *Nizām al-Islām, Jāmi‘ah Qurbūnus, Banghāzī*, 1974 dan dicetak di Dār Qutaybah, Damshiq, 1993, *al-‘Alāqah al-Dawliyyah fī al-Islām*, Muassasah al-Risālah, Beirut, 1981 dan *al-Uṣūl al-‘Āmmah li Wahdah al-Dīn al-Haqq*, Maktabah al-‘Abāsiyyah, Damshiq, 1972.

Manakala hasil-hasil kajian, artikel dan kertas kerja ilmiah beliau pula adalah melebihi 85 kajian di dalam pelbagai lapangan. Di antaranya ialah seperti *Baḥth al-Tamthīl al-Siyāsī fī al-Islām*, *Baḥth Amwāl al-Harbiyyīn*, *Baḥth al-Dawlah al-Islāmiyyah*, *Baḥth Dār al-Harb*, *Baḥth Aḥkām al-Harb wa Mūjibatuha wa Atharuhā - al-Farq bayn al-Harb wa al-Jihād*, *Baḥth Hal al-Asl fī ‘Alāqah al-Muslimīn bi Ghayrihim al-Salam aw al-Harb?*, *Baḥth Tabṣīr al-Muslimīn li Ghayrihim bi al-Islām-Aḥkamuha wa Dawābituhu wa Adillatuhu* dan banyak lagi.

Di samping itu, terdapat lebih daripada empat puluh generasi yang telah menamatkan pengajian hasil daripada didikan beliau di Syria. Sebahagiannya terdiri daripada pelajar yang datang dari Libya, Sudan dan Emeriah Arab Bersatu. Tidak ketinggalan juga ribuan pelajar daripada timur dan barat, Amerika, Afghanistan, Malaysia dan Indonesia yang mengambil ilmu melalui karyakaryanya di dalam bidang fiqh, *uṣūl al-fiqh* dan ilmu tafsir. Sebahagian daripada pelajar beliau sudah berjaya mencapai tahap

pengajian tertinggi dan bergiat cergas dalam medan dakwah seperti Muḥammad al-Zuhaylī yang merupakan adik beliau, Muḥammad Fārūq Ḥamādah, Muḥammad Na‘īm Yāsīn, ‘Abd al-Sattār Abū Ghuddah, ‘Abd al-Laṭīf Farfur, Muḥammad Abū Layl, ‘Abd al-Salām ‘Ubādī, Muḥammad al-Syarbajī, Mājid Abū Rukhyah, Badi‘ al-Sayyid al-Lihām, Ḥamzah Ḥamzah dan ramai lagi. Mereka adalah pensyarah dan tenaga pengajar akademik di universiti khususnya Kuliyyah al-Shari‘ah di Universiti Damsyik dan di sekolah-sekolah agama di bawah seliaan Kementerian Pelajaran Syria.

### Ketokohan dan Bidang Kepakaran

Beliau terkenal sebagai ulama yang memiliki pengkhususan yang mendalam di dalam bidang al-Fiqh al-Islāmī dan Uṣūl al-Fiqh. Beliau mengajar kedua-dua bidang tersebut bersama matapelajaran al-Fiqh al-Muqāran di Kuliyyah al-Shari‘ah dan subjek-subjek syariah di Kuliyyah Undang-Undang di Universiti Damsyik.<sup>39</sup> Demikian juga dengan pengajian peringkat tinggi di kedua-dua fakulti di universiti tersebut.

Beliau juga berkepakaran dalam bidang tafsir al-Quran dan telah menghasilkan beberapa buah karya dalam bidang tersebut. Demikian juga dengan disiplin-disiplin lain dalam ilmu Islam di mana beliau turut menghasilkan karya-karya yang berharga di dalam disiplin ilmu akidah, *manāqib*, *tahqīq* kitab dan manuskrip, *takhrij* hadith dan lain-lain.

Dalam bidang al-Quran dan ilmu-ilmu berkaitan dengannya, kepakaran beliau dapat dilihat dalam karyanya *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Shari‘ah wa al-Manhaj* yang dicetak dalam 16 jilid. Beliau mempersembahkan suatu karya yang cukup menarik dan berbeza dengan menggunakan gaya bahasa ilmiah yang mudah dan jelas. Beliau tidak memfokuskan pentafsiran sesuatu ayat dari satu sudut sahaja bahkan cuba mengupasnya dari sudut-sudut yang berbeza hasil daripada dapatan dan kajian beliau sendiri. Walau bagaimanapun kecenderungan perbahasan hukum fiqh yang merupakan bidang pengkhususan beliau cukup terserlah apabila perbahasan dan pentafsiran dalam karya tersebut banyak menjurus ke arah penjelasan hukum-hakam.

---

<sup>39</sup> Muḥammad ‘Ārif Aḥmad Fārī, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 16.

Di dalam bidang al-Fiqh al-Islāmī, beliau terkenal sebagai pemikir Islam yang berjasa kepada dunia Islam melalui hasil-hasil kajianya yang menjangkau hampir 500 tulisan dalam bentuk kitab, kertas kerja dan artikel. Tulisan-tulisan tersebut cukup berbeza dari sudut persembahan yang baik, susunan yang teratur dan gaya bahasa yang mudah. Kesemuanya itu membuktikan betapa luasnya pembacaan, rujukan dan juga penghayatan bahasa Arab beliau semenjak awal lagi. Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam ilmu al-Fiqh al-Islāmī. Karya beliau yang paling popular antaranya *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* dan *Athār al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī*. Karya ini mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada seluruh masyarakat Islam dan ia telah diulang cetak sebanyak 23 kali.<sup>40</sup>

### **Sumbangan Wahbah al-Zuhaylī di dalam Ilmu Tafsir al-Quran: Tinjauan Terhadap Karya *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj***

Wahbah al-Zuhaylī adalah salah seorang tokoh ulama abad ke-20 yang telah menghasilkan tiga buah karya dalam bidang tafsir al-Quran iaitu al-Wajīz, al-Wasīt dan al-Munīr. Daripada tiga karya tersebut, pembaca boleh memilih apa yang munasabah dengan keupayaan ilmiah mereka. Sesiapa yang hendak mengetahui makna ayat-ayat al-Quran dengan segera ketika membaca kitab suci itu, maka *al-Tafsīr al-Wajīz* adalah amat bersesuaian dengannya kerana *al-Wajīz* dicetak di tepi al-Muṣḥaf al-Syarīf<sup>41</sup> dengan merujuk pentafsiran ayat mengikut nombor ayat tersebut. Beliau juga menyelitkan *asbāb al-nuzūl* dengan menukilkan riwayat yang paling sahih sebagai pembantu kepada pembaca untuk memahami makna ayat-ayat al-Quran khususnya masyarakat awam.

Manakala bagi pembaca yang ingin mengetahui tafsir ayat-ayat al-Quran sesuai dengan tahap penguasaan ilmu yang sederhana, maka *al-Tafsīr al-Wasīt* amat sesuai baginya di mana pengarang menggunakan gaya bahasa yang mudah, pentafsiran yang jelas, mengaitkan sebahagian ayat dengan sebahagian yang lain dan menguatkannya dengan hadith-hadith Nabi SAW. Karya

<sup>40</sup> Panel Penterjemahan *Tafsir al-Munir* juz ‘Amma PUM2001, *Tafsir al-Munir* juz ‘Amma (Kuala Lumpur: Intel Multimedia And Publication, t.t.), xviii.

<sup>41</sup> Al-Muṣḥaf al-Sharīf ialah al-Quran al-Karim.

ini sebenarnya adalah himpunan daripada pentafsiran al-Quran oleh beliau yang disiarkan ke udara melalui siaran radio Syria dan siaran-siaran yang lain selama hampir tujuh tahun. Beliau kemudiannya melengkapkan pentafsiran tersebut di dalam *al-Tafsīr al-Wasīt* dengan menggunakan metode yang sama sebagaimana mentafsirkannya melalui siaran radio tersebut.

Seterusnya, bagi pembaca yang ingin menerokai semua perkara yang berkaitan dengan tafsir al-Quran sama ada dari aspek bahasa Arab, Balaghah, Nahw, Ṣarf, Asbāb al-Nuzūl, munasabah antara ayat-ayat dan surah-surah, kisah-kisah al-Quran, penjelasan hukum-hakam, perkara yang diistinbatkan daripada ayat-ayat dalam soal adab, *tawjīhāt* dan pensyariatan maka, *al-Tafsīr al-Munīr* amat sesuai untuknya dan dia tidak perlu lagi merujuk karya-karya tafsir yang lain sama ada yang berbentuk *turath* atau baharu.

*Al-Tafsīr al-Munīr* adalah karya yang lebih lengkap dengan perbincangan yang luas dan mendalam. Karya ini mengandungi 32 juzuk dan dibukukan di dalam 16 jilid. Ia mengandungi 10,151 halaman kesemuanya.<sup>42</sup> Setiap satu jilid merupakan pentafsiran kepada dua juzuk al-Quran kecuali jilid keenam atau juzuk kesebelas. Pengarang menamatkan juzuk tersebut dengan akhir Surah Yūnus. Sepatutnya juzuk tersebut tamat pada ayat yang kelima surah Hūd yang berada selepas surah Yūnus. Demikian juga dengan juzuk kedua belas daripada jilid yang sama. Pengarang memulakan dengan awal surah Hūd yang mana sepatutnya beliau memulakan dengan ayat yang keenam dari surah tersebut.<sup>43</sup>

Begitu juga halnya pada jilid kelapan, juzuk keenam belas di mana pengarang menamatkan jilid tersebut dengan surah al-Nūr sedangkan juzuk tersebut tamat pada ayat kedua puluh surah al-Furqān yang berada selepas surah al-Nūr. Jilid yang kesembilan juga adalah sama apabila pengarang memulakannya dengan ayat pertama surah al-Furqān yang sepatutnya dimulakan dengan ayat kedua puluh satu dari surah tersebut. Hal yang sama juga berlaku pada jilid ketiga belas, juzuk kedua puluh enam. Pengarang

<sup>42</sup> Panel Penterjemahan *Tafsir al-Munir* juz ‘Amma PUM2001, *Tafsir al-Munir juz ‘Amma*, xviii.

<sup>43</sup> Muḥammad ‘Ārif Aḥmad Fāri‘, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 28.

menghabiskan juzuk tersebut dengan ayat terakhir surah Qāf sedangkan sepatutnya mengikut pembahagian juzuk al-Quran, juzuk tersebut berakhir dengan ayat ketiga puluh surah al-Dhāriyāt. Berikutan itu, jilid keempat belas, juzuk kedua puluh tujuh dimulakan dengan ayat pertama surah al-Dhāriyāt sedangkan sepatutnya ia bermula dengan ayat ketiga puluh satu dari surah tersebut.<sup>44</sup>

Tindakan pengarang yang sedemikian tidak sekali-kali menggambarkan kelemahan atau kecuaian beliau terhadap pembahagian juzuk-juzuk al-Quran sebagaimana telah dimaklumi dalam al-Muṣḥaf al-Sharīf. Akan tetapi, tindakan tersebut tidak lain kecuali meraikan pentafsiran dalam bentuk *mawdū‘ī* yang menjadi metode asas kepada penulisan beliau dalam karya tersebut. Ia juga mempamerkan usaha pengarang yang bersungguh-sungguh untuk mentafsirkan al-Quran mengikut isi kandungan ayat al-Quran.

Pengarang juga didapati telah meraikan pembahagian juzuk-juzuk al-Quran mengikut apa yang sudah dimaklumi oleh umat Islam dalam kesemua jilid dan juzuk yang lain. Oleh yang demikian, tidak menjadi apa-apa masalah sekiranya beliau menyalahi pembahagian tersebut dalam komposisi yang kecil dengan tujuan meraikan isi kandungan serta makna-makna ayat dalam bentuk *mawdū‘ī*.

Jilid yang keenam belas, juzuk ketiga puluh satu dan tiga puluh dua pula adalah dikhususkan untuk daftar lengkap bagi setiap tajuk mengikut ayat, masalah ilmiah dan hukum-hakam. Ia akan memudahkan pengkaji dan pembaca untuk mendapatkan bahan yang dikehendaki dengan mudah dan cepat.

Pengarang juga telah menjelaskan kaedah pencarian topik dan perkataan-perkataan yang diistilahkan di dalam al-Quran dengan menjelaskan nombor juzuk dan halaman mengikut turutan juzuk-juzuk karya tersebut. Sebagai contoh; topik *al-Īmān bi al-Ākhirah* 1/71, bermaksud istilah tersebut terdapat pada juzuk pertama halaman tujuh puluh satu. Boleh jadi, sesuatu topik atau perkataan tertentu didapati disebut berulang-ulang di dalam al-Quran dalam juzuk yang berbeza-beza seperti perkataan *qudrah*, *khalq*, *qiṣṣah*, *rasūl*, *risālah* dan seterusnya.

<sup>44</sup> Muhammad ‘Ārif Ahmad Fārī, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 29.

Karya ini ditulis ketika Wahbah sedang berkhidmat di Emiriah Arab Bersatu pada tahun 1984 sehingga tahun 1989<sup>45</sup> jauh daripada isteri dan anak-anak. Ia dihasilkan selepas pengarang berjaya menerbitkan dua kitab yang lengkap dalam disiplin masing-masing iaitu *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* dan *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*.<sup>46</sup>

Karya ini juga dihasilkan selepas melalui pengalaman yang panjang di dalam bidang pendidikan khususnya di peringkat universiti selama 30 tahun. Beliau juga telah menghasilkan lebih daripada 30 buah karya dalam disiplin yang berbeza di samping kajian-kajian berbentuk kompilasi atau *mawsū‘iyah* sebelum berani untuk mengarang *al-Tafsīr al-Munīr*.<sup>47</sup>

Selepas mengambil masa selama lima tahun untuk disiapkan akhirnya ia berjaya dipersembahkan kepada umat Islam seluruhnya pada tanggal 13 Dhu al-Qā‘idah 1408H bersamaan 27 Jun 1988M. Ia dicetak buat kali pertama pada tahun 1991 oleh Syarikat Percetakan Dār al-Fikr al-Mu‘āşir yang berpusat di Beirut, Lubnan. Cetakan kedua dan ketiga pula dibuat di Dār al-Fikr yang berpusat di Damsyik.<sup>48</sup>

Pengarang telah menjelaskan di dalam mukadimah karya tersebut bahawa beliau menghasilkan karya ini kerana beberapa sebab walaupun beliau menyedari kewujudan banyak karya tafsir al-Quran sama ada baharu maupun *turāth*. Sebab-sebab tersebut adalah:

1. Menghubungkan seseorang Muslim dengan Kitab Allah SWT melalui hubungan ilmiah yang kemas. Ini kerana Al-Quran adalah perlumbagaan hidup seluruh umat manusia secara umum dan khusus. Umum bagi manusia semua sekali dan khusus bagi umat Islam. Sebab itu, pengarang tidak hanya menumpukan perhatian terhadap penjelasan masalah hukum fiqh dengan makna yang sempit sebagaimana diketahui dalam kalangan Fuqaha’ sahaja bahkan menjelaskan hukum-hakam yang boleh diistinbatkan daripada ayat-ayat al-Quran dengan makna yang lebih luas. Penjelasan tersebut melibatkan akidah, akhlak, *al-*

<sup>45</sup> Muhammad Rumaizuddin Ghazali, *Tokoh Islam Kontemporari*, 249.

<sup>46</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1998), 1:11.

<sup>47</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 11.

<sup>48</sup> Muhammad ‘Ārif Ahmad Fāri‘, *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur‘ān al-Karīm “al-Tafsīr al-Munīr,”* 29.

*manhaj* dan *al-sulūk*, perlembagaan umum, faedah-faedah yang boleh dipetik daripada ayat sama ada secara terang, tersembunyi serta isyarat dan sama ada di dalam pembinaan struktur hidup bermasyarakat secara moden dan berdaya maju atau kehidupan individu bagi setiap manusia dari aspek kesihatan, pekerjaan, ilmu pengetahuan, pencapaian hidup, harapan, penderitaan serta persoalan hidup dunia dan akhirat. Perkara ini adalah sejajar dari sudut pembenaran dan iktikad dengan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعْجِلُوْا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُنْهِيُّكُمْ  
وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَخُولُ بَيْنَ الْمَرْءَ وَقَبْلِهِ وَإِنَّ اللَّهَ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ.

al-Anfāl, 8:2

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sahut dan sambutlah (seruan) Allah, dan (seruan) RasulNya apabila ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna, dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah (berkuasa) mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan.<sup>49</sup>

2. Membantu seseorang Muslim untuk memahami al-Quran al-Karim memandangkan memahami isi kandungan al-Quran adalah suatu tuntutan syarak ke atas mukalaf sebagaimana firman Allah SWT:

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدْبَرُوا آيَاتِهِ وَلِتَدَكَّرُ أُولُو الْأَيَّابِ.

Ṣād, 38:29

Terjemahan: (al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan dia kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.<sup>50</sup>

Pengarang menegaskan bahawa beliau tidak berani menghasilkan karya dalam bidang tafsir kecuali selepas menghasilkan dua buah karya yang lengkap dalam dua disiplin ilmu iaitu *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* dalam dua jilid dan *al-Fiqh al-*

<sup>49</sup> Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Kuala Lumpur: Percetakan Adabi, 1983), 328.

<sup>50</sup> Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 991.

*Islāmī wa Adillatuhu* di dalam beberapa mazhab dalam lapan jilid serta selepas berpengalaman mengajar di universiti lebih daripada 32 tahun. Pengarang juga telah mengtaḥqīq hadith *Nabawi*, melakukan *takhrīj* dan memberi penjelasan terhadap karya *Tuhfah al-Fuqahā'* tulisan al-Samarqandī dan *al-Muṣṭafā min Ahādīth al-Muṣṭafā* yang mana merangkumi 1400 hadith di samping karya-karya lain dan kajian-kajian ilmiah berbentuk ensiklopedia yang berjumlah lebih daripada 30 buah.<sup>51</sup>

Banyak keistimewaan yang terdapat di dalam karya tafsir ini. Sebahagiannya dapat dipetik daripada penjelasan pengarang sendiri dan sebahagiannya adalah melalui penelitian yang khusus terhadap kandungan karya tersebut. Di antaranya ialah:

1. Menghimpunkan di antara *al-tafsīr bi al-ma'thūr* dan *al-tafsīr bi al-ma'qūl* di mana pengarang menegaskan di dalam muqaddimah karya ini<sup>52</sup> bahawa beliau mentafsirkan ayat-ayat al-Quran khususnya *āyāt al-ahkām* dengan menyebutkan ayat-ayat dari tempat yang berbeza atau hadith-hadith Baginda Nabi SAW atau pendapat para sahabat atau pendapat *tābi'iñ* yang membincangkan isu yang sama sebelum beralih kepada penjelasan makna ayat mengikut *ijtihād* para ulama.
2. Mentafsirkan ayat-ayat al-Quran secara *al-mawdū'i*, iaitu mengikut topik-topik yang dibincangkan di dalam al-Quran semampu yang boleh. Perkara ini telah dinyatakan sendiri oleh Wahbah al-Zuhaylī di dalam mukadimah karya ini bahawa beliau berusaha sedaya upaya untuk mentafsirkan al-Quran secara *al-mauḍū'i* dengan maksud mendatangkan tafsir ayat-ayat al-Quran yang membicarakan tema yang sama dalam keseluruhan al-Quran seperti jihad, hukum hudud, pembahagian pusaka, hukum hakam nikah kawin, riba dan arak.<sup>53</sup>
3. Merujuk kepada karya-karya tafsir yang berautoriti dahulu dan baharu. Beliau menyebut di dalam mukadimah karya ini bahawa rujukan beliau adalah rujukan yang berautoriti dalam semua bidang sama ada karya *turāth* ataupun karya baharu. Beliau menjelaskan sumber-sumber rujukan beliau di dalam setiap bidang ilmu seperti akidah, akhlak, tanda-tanda kebesaran Allah SWT, kisah dalam al-Quran, penjelasan hukum fiqh, bahasa

<sup>51</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 1:11.

<sup>52</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 1:8.

<sup>53</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 1:9.

Arab, *qirā'āt*, sains dan kejadian alam. Beliau juga didapati menyebutkan perkara tersebut secara terperinci di dalam khutbah penutup karya beliau. Sumber-sumber rujukan beliau boleh diringkaskan seperti berikut:<sup>54</sup>

- a. Dalam riwayat-riwayat, ijtihad, sebab turun ayat, pembetulan fakta dan pentarjīhan beliau merujuk kepada *Jāmi‘ al-Bayān fī Tafsīr al-Qur’ān* terkenal dengan *Tafsīr al-Tabarī* karya Muhammad bin Jarīr al-Tabarī.
- b. Bahasa Arab, makna-makna yang mendalam dan munasabah ayat beliau merujuk *al-Kashāf an Haqā’iq Ghawāmid wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl* karya al-Zamakhsharī, *al-Bahr al-Muhiṭ* karya Abū Ḥayyān Muhammad bin Yūsuf al-Andalūsī al-Tawhīdī, *Gharā’ib al-Qur’ān* karya Nazzām al-A’raj, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl* karya Qāḍī al-Quḍāḥ ‘Abd Allāh bin ‘Umar al-Bayḍawī, *Madārik al-Tanzīl wa Haqā’iq al-Ta’wīl* karya Abū al-Barakāt al-Nasafī, *Irsyād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* karya Abū al-Sa‘ūd Muhammad bin Muhammad al-‘Imādī al-Ḥanafī dan *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm* terkenal dengan *Tafsīr al-Jalālayn* karya Muhammad bin Aḥmad Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī.
- c. Akidah, ketuhanan, kejadian alam, akhlak, sebahagian hukum-hakam, munasabah ayat, surah dan sebab turun beliau merujuk *Mafātiḥ al-Ghayb* terkenal dengan *al-Tafsīr al-Kabīr* karya Muhammad bin ‘Umar Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Aṣbāb al-Nuzūl* karya al-Wahīdī al-Naysābūrī dan *Lubāb al-Nuqūl fī Aṣbāb al-Nuzūl* karya al-Sayūṭī.
- d. Hukum fiqh beliau merujuk *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* terkenal dengan *Tafsīr al-Qurṭubī* karya al-Qurṭubī, *Aḥkām al-Qur’ān* karya Ibn al-‘Arabī dan *Aḥkām al-Qur’ān* karya Ahmad bin ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ.
- e. Makna ayat dikuatkan dengan hadith-hadith dan riwayat-riwayat yang sahīh beliau merujuk *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* karya al-Ḥāfiẓ Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar, Ibn Kathīr, *Fatḥ al-Qadīr* karya al-Shawkānī dan *al-Tashīl li ‘Ulūm al-Tanzīl* karya Ibn Juzay.

---

<sup>54</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 486-488.

- f. Maklumat-maklumat tambahan sebagai pelengkap beliau merujuk *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'āni al-Tanzīl* karya 'Alī bin Muhammad al-Khāzin dan *al-Baghawī* karya al-Baghawī.
  - g. Susunan perkataan yang cantik dan boleh memberi faedah beliau merujuk *Tafsīr al-Manār* karya Rasyīd Reḍā, *Maḥāsin al-Ta'wīl* karya al-Qāsimī, *Tafsīr al-Marāghī* karya al-Marāghī dan *Fī Zilāl al-Qur'ān* karya Syed Quṭb.
  - h. Dalam hal al-'I'rāb beliau merujuk *al-Bayān fī I'rāb al-Qur'ān* karya Abū al-Barakāt bin al-Anbārī.
  - i. Al-Balāghah beliau merujuk *Şafwah al-Tafāsīr* karya Sheikh Muḥammad 'Alī al-Şābūnī.
  - j. Kisah-kisah para Nabi beliau merujuk *Qışāş al-'Anbiyā'* karya al-Ustaz 'Abd al-Wahhāb al-Najjār.
  - k. Peristiwa-peristiwa, peperangan dan sirah beliau merujuk *Sīrah Ibn Hishām* karya Ibn Hishām, *Sīrah Ibn Ishāq* karya Ibn Ishāq dan *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* karya al-Hāfiẓ Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar, Ibn Kathīr.
4. Mengutamakan perkara-perkara penting dalam '*Ulūm al-Qur'ān*' seperti *asbāb al-nuzūl* dan *munāsabah* antara surah dan ayat. Pengarang mengambil perhatian yang tinggi terhadap perkara-perkara berkaitan dengan '*Ulūm al-Qur'ān*' seperti *asbāb al-nuzūl* dan *munāsabah* antara surah dan ayat. Ini jelas dapat dilihat sepanjang karya beliau. *Asbāb al-nuzūl* disebut dalam beberapa bentuk:
- a. Disebut pada setiap ayat yang mempunyai *asbāb al-nuzūl* yang tersendiri.
  - b. Disebut pada sekelompok ayat yang turun atas suatu sebab penurunan.
  - c. Disebut beberapa sebab turun pada suatu ayat atau kelompok ayat.
  - d. Tidak menyebutkan *asbāb al-nuzūl* berikutan ayat masih lagi membincangkan isu yang sama walaupun di dalam kelompok ayat yang lain.

Munasabah ayat dengan ayat yang sebelumnya dan munasabah surah dengan surah sebelumnya sentiasa disebut untuk menggambarkan pertautan kandungan al-Quran. Namun, terdapat banyak juga keadaan yang menyaksikan bahawa pengarang didapati tidak menyebut munasabah ayat dengan ayat sebelumnya. Alasan beliau

ialah kaitan ayat masih ada dan tidak perlu disebut secara berasingan.

5. Mengambil berat perbincangan bahasa Arab sama ada dari sudut *ilmu Nahw*, *Sarf*, *Balāghah* dan *mufradāt al-lughawiyyah*. Pengarang memulakan pentafsiran dengan membahaskan *al-i'rāb* mengikut disiplin ilmu *Nahw*. Ia boleh dilihat dalam kesemua pentafsiran ayat al-Quran sepanjang karya ini. Demikian juga dengan perbahasan ilmu *Sarf*, *Balāghah* dan *mufradāt al-lughawiyyah*. Semuanya menjadi keutamaan kepada penghasilan karya ini kerana memahami al-Quran itu tidak dapat tidak mesti dengan bahasa Arab.
6. Tidak cenderung kepada mana-mana pendapat mazhab yang berbeza-beza. Pengarang didapati tidak cenderung kepada mana-mana pendapat mazhab yang berbeza-beza. Pendirian inilah yang menjadikan *al-Tafsīr al-Munīr* sebuah karya yang istimewa.
7. Tidak taksub yang tercela. Pengarang tidak menunjukkan ketaksuban beliau terhadap mana-mana pihak, sama ada mazhab atau tokoh ulama. Ketika mentarjihkan sesuatu pendapat yang mana beliau sendiri cenderung kepada pendapat tersebut, beliau menyebutkan hujah-hujah yang kukuh secara ilmiah. Beliau sangat membenci sikap taksub sebagaimana telah dibincangkan sebelum ini.
8. Berkonsep kontemporari dan sesuai dengan laras bahasa masa kini. Usaha pengarang untuk mendekatkan umat Islam kepada al-Quran amat jelas apabila beliau mempersemprehankan karya yang berkonsep kontemporari dan terkini. Laras bahasa yang digunakan adalah laras bahasa umat Islam pada zaman ini.
9. Mudah dan selamat dijadikan rujukan. Karya ini juga mudah dan selamat dijadikan rujukan di mana pembaca boleh terus mendapatkan pentafsiran sesuatu ayat dengan terus merujuk kepada surah dan nombor ayat. Karya ini juga adalah hasil daripada adaptasi karya-karya utama di dalam tafsir, akidah, hukum-hakam, kisah-kisah, riwayat-riwayat dan lain-lain. Segala maklumat yang terdapat di dalamnya boleh dipercayai tanpa sebarang keraguan.
10. Penjelasan-penjelasan yang mencukupi bagi sesuatu ayat. Bagi mereka yang ingin mendapatkan gambaran pentafsiran sesuatu ayat al-Quran dengan tepat, maka *al-Tafsīr al-Munīr* adalah

suatu karya yang tepat. Karya ini telah menghimpunkan segala maklumat yang lengkap mengenai sesuatu ayat yang menyebabkan seseorang itu tidak perlu lagi mencari rujukan-referensi yang lain bagi mendapatkan pentafsiran tersebut.

11. Susunan yang rapi dengan pembahagian subtopik yang memudahkan. Pembinaan subtopik ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran seperti *al-I'rāb*, *al-Balāghah*, *al-Mufradāt* *al-Lughawiyah*, *Sabab al-Nuzūl*, *al-Munāsabah*, *al-Tafsīr wa al-Bayān* dan *Fiqh al-Hayāt aw al-Aḥkām* menyebabkan karya ini cukup mudah untuk ditatap dan dijadikan bahan rujukan.

Menurut Wahbah, beliau mempersesembahkan sebuah karya yang memuatkan pelbagai jenis ilmu pengetahuan yang bersumberkan al-Quran dan selari dengan tuntutan zaman dan budaya ilmu. Karya tersebut dihasilkan dengan penggunaan gaya bahasa yang mudah, analisis ilmiah yang lengkap serta menumpukan kepada matlamat dan tujuan utama penurunan al-Quran.

Beliau menggunakan metode yang sama sekali jauh daripada pemanjangan yang boleh menjemukan dan tidak pula terlalu ringkas yang boleh mencacatkan pemahaman pembaca. Kaedah ini dilaksanakan agar ianya dimanfaatkan oleh generasi baru yang sememangnya telah jauh daripada penggunaan bahasa Arab yang mempunyai maksud penjelasan yang tinggi dan susunan mendalam, apa lagi mendapatkan maknanya. Perkara ini adalah suatu realiti kerana mereka seolah-olah begitu asing dengan sumber-sumber yang asli dan khazanah ilmiah yang begitu agung (walaupun terdapat kajian akademik secara khusus) dalam semua bidang ilmu seperti sejarah, sastera, falsafah, tafsir, fiqah dan ilmu-ilmu Islam lain yang sangat luas.

Justeru, inisiatif segera amat perlu untuk mendekatkan sesuatu yang dianggap jauh dan menjinakkan sesuatu yang dianggap asing serta membekalkan setiap Muslim dengan bekalan ilmu pengetahuan yang bersih daripada unsur-unsur luar yang meresap masuk ke dalam agama seperti *al-isrā' īliyyāt* dalam tafsir al-Quran. Inisiatif juga perlu untuk memberikan respons terhadap tuntutan kehidupan semasa, meraikan asas-asas pemikiran yang selari dengan kecenderungan individu, asas-asas penggunaan akal dan memberikan penumpuan kepada asas-asas pemikiran yang harmonis.

Untuk itu, kita perlu meneliti sumber-sumber asing yang cuba dimasukkan ke dalam karya-karya tafsir. Seterusnya, mengenalpasti riwayat-riwayat *al-isrā’ īliyyāt* yang menghakis kemaksuman sebahagian para nabi dan bercanggah pula dengan sebahagian teori sains yang mempunyai asas kebenarannya dan penemuan-penemuan sains moden. Realitinya al-Quran menyeru kepada penggunaan akal dan fikiran. Al-Quran menganjurkan agar seluruh potensi manusia digembangkan untuk meraih kebaikan serta memerangi kejahanan dan kemunduran.<sup>55</sup>

Walau bagaimanapun, kecenderungan perbahasan ke arah ilmu fiqah yang merupakan bidang pengkhususan beliau cukup terserlah apabila perbahasan dan pentafsiran banyak menjurus ke arah *istinbāt* dan penjelasan hukum. Pengarang menyatakan bahawa beliau tidak memerlukan pandangan-pandangan yang banyak dalam kalangan para ahli tafsir akan tetapi memadai mengambil pendapat yang paling hampir kepada kebenaran dengan mengikut ketepatan lafaz daripada penggunaan bahasa Arab yang biasa dan pemahaman maknanya di dalam struktur ayat.<sup>56</sup>

Beliau turut menyatakan bahawa setiap kenyataan yang dipaparkan tidak terpengaruh dengan aliran, mazhab atau warisan kepercayaan silam yang tertentu. Panduan beliau adalah kebenaran yang ditunjukkan oleh al-Quran, sejajar dengan kaedah bahasa Arab dan istilah-istilah syarak. Di samping itu, beliau juga berusaha menerangkan pendapat para ulama dan para ahli tafsir dengan penuh amanah, teliti dan jauh daripada bersikap taasub.<sup>57</sup>

Metodologi penulisan beliau amat jelas sebagaimana disebut dalam mukadimah karya tersebut bahkan beliau sendiri adalah individu yang paling baik untuk memberikan gambaran sebenar karyanya. Dalam mukadimah karyanya, pengarang menyatakan dengan terang sebab penulisan, metode yang akan digunakan sepanjang penulisan karya dan sumber-sumber dapatkan beliau. Kemudian, pengarang memuatkan maklumat-maklumat yang

<sup>55</sup> Panel Penterjemah Tafsir al-Munir, *Terjemahan Tafsir al-Munir juz 1: Surah al-Fatiḥah-Surah al-Baqarah* (Selangor: Percetakan Zafar Sdn. Bhd, 2007), xvi.

<sup>56</sup> Panel Penterjemah Tafsir al-Munir, *Terjemahan Tafsir al-Munir juz 1: Surah al-Fatiḥah-Surah al-Baqarah*, 8.

<sup>57</sup> Panel Penterjemah Tafsir al-Munir, *Terjemahan Tafsir al-Munir juz 1: Surah al-Fatiḥah-Surah al-Baqarah*, xviii-xix.

penting bagi sesiapa sahaja yang ingin mempelajari ilmu tafsir al-Quran. Antaranya ialah definisi al-Quran, bentuk penurunannya, proses pengumpulannya, penulisannya dengan al-Rasm al-‘Uthmānī, persoalan *al-Ahruf al-Sab‘ah* dan *Qirā’at al-Sab‘ah*, dalil-dalil yang mensabitkan bentuk-bentuk *al-i‘jaz*, bahasa Arab al-Quran, terjemahannya ke dalam bahasa lain, huruf-huruf *al-muqāṭṭa‘ah* di awal surah-surah tertentu, masalah ilmu al-Balāghah dalam al-Quran serta menyebutkan bilangan juzuk, surah, ayat dan jenis-jenisnya sebagai menyempurnakan faedah.<sup>58</sup>

Kemudian, pengarang menyebutkan persoalan *al-Isti‘āzah* dan *al-Basmalah* dan hukum kedua-duanya sebelum membaca al-Quran. Demikian juga pengarang menyatakan hukum membacanya di dalam solat berserta khilaf dalam kalangan para ulama.<sup>59</sup> Selepas itu, beliau menyatakan harapan yang tinggi, doa dan matlamat beliau supaya semua usahanya adalah ikhlas kepada Allah SWT dan direldaiNya. Beliau menyatakan juga bahawa inilah yang mampu dilakukan oleh beliau untuk berkhidmat kepada agama ini pada zaman sekarang.<sup>60</sup>

Metode dan bentuk susunan karya tersebut adalah seperti berikut:<sup>61</sup>

1. Mendatangkan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk himpunan mengikut topik dengan tajuk-tajuk yang jelas.
2. Menerangkan apa yang terkandung dalam sesuatu surah secara ringkas.
3. Menjelaskan persoalan-persoalan *lughawī*.
4. Mengemukakan sebab-sebab turun ayat al-Quran mengikut riwayat yang paling sahih dan melontar jauh riwayat yang daif serta mendedahkan cerita-cerita para nabi dan peristiwa-peristiwa besar dalam agama seperti perang Badar dan perang Uhud dari kitab-kitab sirah yang paling berautoriti.
5. Tafsir dan penjelasan ayat.
6. Hukum hakam yang diistinbat daripada ayat-ayat.
7. Menghuraikan struktur ayat al-Quran dari sudut ilmu al-Balāghah dan al-I‘rāb bagi kebanyakan ayat sebagai pembantu dalam menjelaskan makna-makna ayat bagi mereka yang mahu

<sup>58</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 13-43.

<sup>59</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 1:44-48.

<sup>60</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 1:49.

<sup>61</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 1:12-13.

mengetahuinya dan dalam masa yang sama menjauhi istilah-istilah yang boleh menghalang pemahaman ayat bagi mereka yang tidak mahu mengambil perhatian dengan istilah-istilah tersebut.

Beliau juga berusaha sekadar yang termampu untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Quran secara *mauḍū’ī* (tematik), iaitu mengemukakan tafsiran berbagai ayat al-Quran di bawah satu topik seperti jihad, hudud, harta pusaka, hukum hakam perkahwinan, riba dan arak.<sup>62</sup>

## Penutup

Melalui perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa Wahbah al-Zuhaylī adalah seorang ulama terkenal di zaman moden ini dan memberi sumbangan yang cukup besar kepada dunia Islam khususnya di dalam ilmu tafsir al-Quran. Karya *al-Tafsīr al-Munīr* merupakan antara karya tafsir yang terbaik pernah dihasilkan di abad ke-20 dan boleh disifatkan sebagai suatu pakej tafsir yang lengkap serta sesuai untuk dimanfaatkan oleh umat Islam pada era moden ini lebih-lebih lagi warga pengkaji dan pelajar ilmu tafsir al-Quran.

Beberapa jilid daripada karya tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Jawatankuasa Penerbitan Persatuan Ulama Malaysia (PUM) atas kesedaran bahawa karya ini boleh memberi manfaat kepada masyarakat Islam di alam rumpun Melayu.

## Bibliografi

- Al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. *Al-Tafsīr al-Munīr*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1998.
- Abdullah Basmeih. Tafsir Pimpinan al-Rahman. Kuala Lumpur: Percetakan Adabi, 1983.
- ‘Abd al-Ghāfir Maḥmūd Muṣṭafā Ja‘far. *Al-Tafsīr wa al-Mufassirūn fī Thawbih al-Jadīd*. Kaherah: Dār al-Salam, 2007.

---

<sup>62</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, 1:12-13.

- Ḩamad al-Sinān dan Fawzī al-‘Anjariyy. *Ahl al-Sunnah al-Asha ‘irah, Shahādah ‘Ulamā’ al-Ummah wa Adillatuhum*. Jordan: Dār al-Diyā’, 2005.
- Jamā‘ah min Kibār al-Lughawiyyīn al-‘Arab. *Al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*. Tunisia: Muassasah Lārous al-‘Ālamiyyah, 2003.
- Muhammad ‘Ārif Ahmād Fāri‘. “Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihi li al-Qur’ān al-Karīm ‘al-Tafsīr al-Munīr.’” Disertasi, Qism al-Qur’ān al-Karīm wa ‘Ulūmihi, Kuliyah al-Dirāsāt al-Fiqhiyyah wa al-Qānūniyyah, Jāmi‘ah Āl al-Bayth, 1998.
- Muhammad Rumaizuddin Ghazali. *Tokoh Islam Kontemporari*. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd, 2005.
- Panel Penterjemah Tafsir al-Munir. *Terjemahan Tafsir al-Munir juz 1: Surah al-Fatiḥah-Surah al-Baqarah*. Selangor: Percetakan Zafar Sdn. Bhd, 2007.
- Panel Penterjemahan Tafsir al-Munir juz ‘Amma PUM2001. *Tafsir al-Munir juz ‘Amma*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia And Publication, t.t.